

## **Balu Anggota Polis Terkorban Di Sabah Bangga Terima Kenaikan Pangkat**

**Bernama**

**25 Mac, 2013**

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Balu anggota polis yang terkorban dalam insiden pencerobohan di Lahad Datu bangga dengan penganugerahan kenaikan pangkat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sempena sambutan Peringatan Hari Polis ke-206 Isnin.

Noor Aziah Noor, 28, balu Inspektor Zulkifli Mamat, 29, yang dinaikkan ke pangkat ASP, berkata walaupun suaminya sudah tiada lagi di dunia ini untuk menerima penganugerahan itu, beliau tetap berbangga dan bersyukur kerana pengorbanan arwah dihargai.

"Arwah sebelum ini pernah menyebut, mungkin tak lama lagi dia akan dinaikkan pangkat. Tak sangka ia menjadi kenyataan, namun saya sedih dia tak ada untuk menerima kenaikan pangkat ini.

"Kalau dia ada, semestinya dia berbangga dan bersyukur. Saya ucapkan terima kasih atas penghargaan ini," katanya kepada Bernama selepas sambutan itu di Pusat Latihan Polis di sini.

Allahyarham Zulkifli maut 1 Mac lepas akibat serangan mortar di Kampung Tanduo, yang menjadi kubu kumpulan penceroboh bersenjata dari selatan Filipina.

Noor Aziah, yang bakal menyambung semula latihan praktikal di Sekolah Menengah Kebangsaan Putra bulan depan, berharap kehidupan bersama dua anak serta bayi dalam kandungannya, akan dapat diteruskan dengan baik dan tabah.

Jabah Anak Mingku, 35, balu DSP Michael Padel, 36, pula berkata meskipun masih sugu dengan kehilangan insan tersayang, namun kenaikan pangkat mendiang suaminya sedikit sebanyak dapat mengubat kesedihannya.

"Saya bangga dengan perjuangan suami kerana menjaga keamanan negara dan ucapkan terima kasih di atas kenaikan pangkat ini.

"Saya dan anak memang bergantung 100 peratus kepada suami, saya tidak bekerja dan anak masih bersekolah lagi. Saya merancang untuk mencari sekolah terbaik untuk pendidikan anak saya," katanya.

Michael yang maut dalam serangan hendap di Semporna, Sabah dinaikkan ke pangkat ASP.

Anak tunggal pasangan itu, Mcloie Michael, 11, bercita-cita menjadi seorang anggota polis kerana ingin membanteras jenayah serta mengikut jejak langkah ayahnya.

Balu Koperal Salam Tugiran, 42, iaitu Marlinah Utan, 38, turut bangga dengan pengorbanan serta jasa suaminya yang maut ketika mempertahankan negara.

"Terima kasih atas penghargaan ini. Saya bangga kerana memiliki suami yang mempunyai semangat juang yang tinggi dan sanggup bergadai nyawa demi keamanan negara," katanya.

Salam Tugiran, yang dinaikkan ke pangkat Sarjan, terkorban dalam kejadian serangan hendap di Kampung Sri Jaya, Simunul, Semporna.

Sementara itu, balu Koperal Sabaruddin Daud, 47, Nurunnisa Abu Bakar, 42, pula berhasrat berpindah dari Kuarters Polis di Ulu Kinta, Perak dan bekerja bagi menyara keluarga.

"Saya bersyukur dengan kenaikan pangkat ini. Ia (kenaikan pangkat dari Koperal ke Sarjan) secara tak langsung dapat meringankan beban saya dan menyara tiga anak kami," katanya.

Empat lagi anggota polis yang terkorban dan dinaikkan pangkat ialah Superintenden Ibrahim Lebar (ACP), Sarjan Abdul Azis Sarikon (Sarjan Mejar), Lans Koperal Mohd Azrul Tukiran (Koperal) dan Sarjan Baharin Hamit (Sarjan Mejar).

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=937308>